

Lembaran baharu KL, Bangkok

Bangkok: Lawatan rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ke Thailand membuka lembaran baharu dalam hubungan dua hala negara berjiran itu, dengan tumpuan terhadap pengukuhan kerjasama ekonomi dan penyelesaian krisis kemanusiaan Myanmar.

Dalam pertemuan dengan Perdana Menteri Thailand, Paetongtarn Shinawatra, Anwar berkata, mereka sepakat mempererat kerjasama dalam bidang perdagangan, pelaburan dan pembangunan wilayah bersempadan.

“Lawatan ini bukan sahaja mengukuhkan hubungan dua hala, tetapi turut membuka ruang untuk meneroka potensi baharu dalam pelbagai bidang termasuk pelaburan dan pembangunan serantau,” katanya dalam kenya-

taan di Facebook, semalam.

Perdana Menteri berkata, isu Myanmar turut menjadi agenda utama sepanjang lawatan, termasuk pertemuan dengan Majlis Pentadbiran Negeri (SAC), Kerajaan Perpaduan Nasional (NUG) Myanmar dan kumpulan penasihat tidak rasmi kepada Pengerusi ASEAN.

“Saya tekankan keperluan pendekatan yang berprinsip, inklusif dan berlandaskan nilai kemanusiaan sejagat.

“Tujuannya adalah untuk mempermudah akses bantuan kemanusiaan serta menghentikan keganasan secara menyeluruh,” katanya.

Beliau berkata, Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 akan terus berperanan aktif dan konstruktif dalam mencari penyelesaian mampan serta bermaruah

untuk rakyat Myanmar di bawah kerangka ASEAN.

Anwar turut mengadakan pertemuan dengan pelabur utama dan pemimpin industri Thailand bagi menarik pelaburan berkualiti tinggi ke Malaysia, seiring matlamat menjadikan negara sebagai destinasi pelaburan pilihan di rantau ini.

“Hubungan ekonomi serantau yang kukuh adalah kunci kemakmuran bersama,” katanya.

Lawatan rasmi dua hari bermula 17 April itu adalah kunjungan pertama Perdana Menteri ke Thailand sejak Paetongtarn Shinawatra dilantik sebagai Perdana Menteri Thailand.

Lawatan itu juga adalah sebahagian daripada usaha berterusan Malaysia untuk mengukuhkan hubungan strategik dengan negara jiran serantau.